

20 JUN 1998

MB-Pertandingan

MB, KETUA MENTERI SOKONG PRESIDEN DAN TIMBALAN SEDIA ADA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin UMNO negeri hari ini menyatakan sokongan mereka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalannya.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata Menteri Besar dan Ketua Menteri sudah sepakat akan menyokong Dr Mahathir dan Anwar kalau ada yang mahu mencabar mereka.

"Saya percaya kalau ada orang hendak bertandingpun, kalau ada manusia daripada mana-mana muncul...Menteri Besar dan Ketua Menteri sudah sepakat akan sokong presiden dan timbalan presiden sekarang," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Semalam, Dr Mahathir menyatakan sokongannya kepada Anwar jika timbalannya itu menerima tentangan untuk mempertahankan jawatan nombor dua itu tahun depan. Anwar pula menyatakan bahawa beliau sememangnya menyokong Dr Mahathir kekal sebagai presiden parti dan tidak pernah menyuarakan hasrat untuk menentang Dr Mahathir.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin pula berkata UMNO negeri itu memang menyokong Dr Mahathir dan Anwar kekal pada jawatan mereka sekarang.

"Melaka tidak mahu ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan, tetapi bagi naib presiden itu terbuka sebab ada ramai `contender' (pencabar)," kata Abu Zahar kepada pemberita.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata kenyataan Dr Mahathir dan Anwar semalam memberi petanda jelas bahawa kedua-dua pucuk pimpinan parti itu mempunyai hubungan rapat dan kerjasama serta menyokong antara satu sama lain.

"Berdasarkan kenyataan itu segala kekuatan parti akan digembleng secara padu kepada Dr Mahathir sebagai presiden dan Anwar sebagai timbalan presiden," katanya.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata sebarang pertandingan untuk kedua-dua jawatan tertinggi itu seharusnya dielakkan dalam usaha mengatasi kegawatan ekonomi.

Dengan sokongan itu kedua-dua pemimpin dapat menumpukan perhatian untuk memulihkan ekonomi negara.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob berkata langkah mengelakkan pertandingan itu wajar kerana ia merupakan hasrat anggota-anggota UMNO bagi mengekalkan perpaduan.

Menurutnya, sokongan Dr Mahathir kepada Anwar semalam bukanlah yang pertama kali diberikannya kerana Perdana Menteri sebelum ini telah menyatakan bahawa Anwar merupakan pengganti beliau.

Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah berkata langkah itu bagus kerana ia dapat mengukuhkan parti untuk menghadapi masalah ekonomi.

"Keadaan ekonomi kita serius, sebab itu kita semua kena bantu menyelesaikan masalah ini," katanya.

--BERNAMA

NZ MAM RAZ AZZ oba